

APLIKASI KAEADAH *AD-DHARAR YUZAL* DALAM PENDAFTARAN PERKAHWINAN DI NEGERI KEDAH

THE APPLICATION OF THE AD-DHARAR YUZAL PRINCIPLE IN MARRIAGE REGISTRATION IN THE STATE OF KEDAH

Muhammad Naiim Husaini Kossim¹

Marina Abu Bakar ^{2*}

Mohd Muslim Salleh ³

¹ Pelajar Pascasiswazah, Kulliyyah Syariah & Undang-Undang, Universiti Islam Antarabangsa Sultan Abdul Halim Mu'adzam Shah (UniSHAMS), Malaysia, (E-mail: naiimkossim99@gmail.com)

² Pensyarah Kanan, Akademi Pengajian Islam Kontemporari (ACIS), Universiti Teknologi MARA, Cawangan Perlis, Malaysia, (E-mail: marinaab@uitm.edu.my) (Corresponding author)*

³ Pensyarah Kanan, Kulliyyah Syariah & Undang-Undang, Universiti Islam Antarabangsa Sultan Abdul Halim Mu'adzam Shah (UniSHAMS), Malaysia, (E-mail: dr.muslim@unishams.edu.my)

Article history

Received date : 23-5-2025

Revised date : 24-5-2025

Accepted date : 16-6-2025

Published date : 25-6-2025

To cite this document:

Kossim, M. N. H., Abu Bakar, M., & Salleh, M. M. (2025). Aplikasi kaedah Ad-Dharar Yuzal dalam pendaftaran perkahwinan di Negeri Kedah. *Journal of Islamic, Social, Economics and Development (JISED)*, 10 (73), 79- 94.

Abstrak: Kaedah *ad-Dharar Yuzal* (*kemudaratan harus dihilangkan*) merupakan salah satu kaedah daripada kaedah-kaedah fiqh yang dilihat sangat penting di dalam fiqh. Kaedah ini banyak diguna pakai dalam permasalahan berkaitan kekeluargaan Islam terutamanya perkahwinan dan perceraian. Perkahwinan merupakan suatu tuntutan fitrah semulajadi manusia yang telah ditetapkan oleh Allah SWT terhadap hamba-hambanya. Perkahwinan yang dituntut di dalam agama Islam adalah perkahwinan yang mengikuti landasan hukum syariat serta garis panduan perkahwinan yang telah ditetapkan. Kajian ini bertujuan mengkaji berkaitan pengaplikasian kaedah *ad-Dharar Yuzal* dalam hal berkaitan pendaftaran perkahwinan serta kesan sekiranya perkahwinan yang dijalankan itu, tidak didaftarkan. Terdapat kajian terdahulu berkaitan pendaftaran perkahwinan tetapi kajian dari sudut undang-undang sahaja dijalankan dan tidak menggunakan kaedah *ad-Dharar Yuzal* sebagai tunjang utama perbahasan berkaitan permasalahan pendaftaran perkahwinan. Perkara ini dilihat sangat penting kerana pelbagai implikasi bakal timbul daripada permasalahan tidak mendaftar perkahwinan serta menjadi suatu kemudaratan yang besar terutama pada isteri dan anak-anak. Pengaplikasian *ad-Dharar Yuzal* dilihat selari dengan tuntutan syarak dan dianggap penting bagi menghapuskan kemudaratan yang akan timbul daripada masalah pendaftaran perkahwinan. Kajian ini berbentuk kualitatif. Proses pengumpulan data melibatkan kaedah perpustakaan melalui sumber-sumber sekunder. Data kajian dianalisis menggunakan pendekatan analisis kandungan. Hasil kajian menunjukkan bahawa secara umumnya, kemudaratan yang terhasil daripada perkahwinan yang tidak didaftar ini sangatlah banyak serta memberi impak dan kesan yang sangat besar terhadap hak pasangan dan anak. Implikasi daripada masalah ini, hak yang sepatutnya diperolehi oleh pasangan dan anak hasil perkahwinan itu tidak dapat diperolehi disebabkan pendaftaran perkahwinan yang tidak didaftar melalui saluran yang benar menyebabkan tiada pembuktian dan pengesahan berkaitan

perkahwinan yang telah dijalankan. Kajian ini turut menggesa pihak yang terlibat untuk mengetarkan penguatkuasaan dengan mengenakan denda yang lebih berat kepada pelaku agar perkara sebegini tidak akan berleluasa pada masa akan datang.

Kata Kunci: Kaedah ad-Dharar Yuzal, Pendaftaran Perkahwinan, Kedah

Abstract: The *ad-Dharar Yuzal* principle (*harm must be eliminated*) is one of the fundamental principles in fiqh that is considered highly significant. This principle is widely applied in Islamic family law, particularly in matters related to marriage and divorce. Marriage is a natural human need decreed by Allah SWT for His servants, and in Islam, it is encouraged to follow the Shariah legal framework and established guidelines. This study aims to examine the application of the *ad-Dharar Yuzal* principle in marriage registration and the consequences of unregistered marriages. There have been previous studies related to marriage registration, however, studies have only been conducted from a legal perspective and they did not use the *ad-Dharar Yuzal* principle as the main foundation in discussing the issues surrounding marriage registration. This matter is seen as highly important because various implications may arise from the failure to register a marriage, leading to significant harm especially for the wife and children. The application of *ad-Dharar Yuzal* is considered to be in line with Shariah requirements and is deemed essential in eliminating the harm that may result from issues related to marriage registration. Conducted as a qualitative study, data collection is carried out through library research utilizing secondary sources, and the data is analyzed using the content analysis approach. The findings indicate that, in general, the harm caused by unregistered marriages is extensive, significantly impacting the rights of spouses and children. The implication of this issue is that the rights that should be granted to the spouses and children cannot be obtained due to the absence of official registration. Without proper registration through the correct legal channels, there is no formal proof or verification of the marriage. Therefore, this study urges relevant authorities to strengthen enforcement by imposing harsher penalties on offenders to prevent such practices from becoming widespread in the future.

Keywords: The *Ad-Dharar Yuzal* Principle, Marriage Registration, Kedah.

Pengenalan

Penggunaan dan pengaplikasian kaedah fiqh adalah sebagai suatu sumber sandaran hukum yang menjadi keperluan dan keutamaan pada masa kini. Penggunaan kaedah fiqh pada masa kini lebih menjurus ke arah mengelakkan daripada berlakunya sebarang bentuk kemudaratan yang timbul daripada isu-isu kontemporari pada era ini. Selain itu, dalam kebanyakan kaedah yang diguna pakai, terdapat satu kaedah yang menjadi keperluan utama dalam pengaplikasiannya pada masa kini iaitu kaedah *ad-Dharar Yuzal* dan dikuatkan lagi dengan sabda Nabi SAW “*La Darar Wa La Dirar*” (Riwayat Daruqutni)

Kaedah fiqh *ad-Dharar Yuzal* diterjemahkan sebagai kemudaratan mesti dihilangkan merupakan salah satu kaedah daripada pecahan lima kaedah utama yang lain. Kaedah ini menjadi keutamaan pada masa kini kerana kaedah ini menepati prinsip asas di dalam agama Islam iaitu menghindari lebih terutama dan lebih baik daripada mengubati. Kaedah *ad-Dharar Yuzal* menurut istilah pula boleh memberi maksud suatu asas dalam mencegah daripada berlakunya sesuatu perbuatan yang dapat mendorong kepada kemudaratan ke atas diri dan orang lain. Bahkan menjadi kewajiban untuk menghilangkan kemudaratan ini sama ada ia telah berlaku ataupun yang bakal berlaku.

Terdapat dalil-dalil daripada al-Qur'an dan sunnah yang menuntut untuk menghilangkan sebarang bentuk kemudaratan seperti Firman Allah S.W.T : "Dan apabila kamu menceraikan isteri-isteri kamu, kemudian mereka hampir habis tempoh idahnya maka bolehlah kamu pegang mereka (rujuk) dengan cara yang baik atau lepaskan mereka dengan cara yang baik. Dan janganlah kamu pegang mereka (rujuk) semula dengan maksud memberi mudarat kerana kamu hendak melakukan kezaliman terhadap mereka" (Al-Quran, 2:232).

Al-Baidhowi 1286M di dalam tafsirnya menghuraikan ayat ini bahawasanya janglah bagi seseorang lelaki itu menahan isteri kamu dengan tujuan untuk menyakitinya, dan janganlah kamu merujuk mereka kembali dengan niat untuk menyakiti mereka seolah-olah seorang isteri yang diceraikan yang ditinggalkan sehingga hampir tamat tempoh idahnya, kemudian kamu mengambil dan merujuk kembali isteri tersebut dengan niat untuk memanjangkan tempoh idah mereka. Berdasarkan kepada tafsiran ini, dapat disimpulkan bahawa sebarang bentuk kemudaratan yang telah berlaku atau yang bakal berlaku mesti dihilangkan kerana sesungguhnya mencegah itu lebih baik daripada merawat. Sabda Nabi S.A.W yang bermaksud: Tiada mudarat dan tidak boleh memberi mudarat (Riwayat Daruqutni)

Matlamat utama dari pengaplikasian ini adalah untuk memelihara manusia daripada sebarang bentuk kemudaratan sama ada melibatkan agama, nyawa, akal, harta dan keturunan. Selain itu, tujuan utama daripada kaedah ini adalah untuk mencari keredaan daripada Allah S.W.T yang sangat menyukai akan hambanya yang sentiasa melakukan kebaikan serta menjauhi sebarang bentuk kemudaratan dalam kehidupan.

Pengaplikasian kaedah *ad-Dharar Yuzal* ini juga banyak diguna pakai dalam cabang munakahat seperti penentuan dalam mewajibkan kepada setiap masyarakat untuk mendaftar perkahwinan sebelum berlangsungnya akad nikah. Selain itu, kaedah ini turut merangkumi permasalahan seperti pembubaran perkahwinan, hak penjagaan anak dan sebagainya.

Sorotan Literatur

Pada dasarnya, aplikasi *ad-Dharar Yuzal* ini telah banyak diguna pakai secara meluas dalam permasalahan kontemporari di Malaysia. Kaedah *ad-Dharar Yuzal* ini juga secara asasnya telah menghasilkan banyak hukum hakam dan fatwa-fatwa pada masa kini. Jadual 1.1 di bawah menunjukkan ringkasan sorotan literatur berkaitan *ad-Dharar Yuzal* dalam Islam.

Jadual 1: Sorotan Literatur Kaedah *Ad-Dharar Yuzal*

No	Pengkaji	Tempat	Metodologi	Ringkasan dapatan
1.	Subki (1369)	Beirut, Lubnan	Kualitatif	<p>Asas dan prinsip berkaitan kaedah <i>Ad-Dharar Yuzal</i>.</p> <p>Kajian yang dilakukan oleh Tajuddin As-Subki telah menumpukan penulisannya kepada aspek pengertian kaedah serta pendalilan dari sumber utama seperti al-Quran dan hadith.</p> <p>Penyelidikan ini lebih cenderung ke arah aspek teori fiqh tanpa menspesifikasi dalam konteks moden dan kontemporari.</p> <p>Perbezaan antara Subki dengan yang lain adalah Subki hanya mencorakkan</p>

				penulisannya ke arah asas serta prinsip sahaja. Hal ini berbeza dengan kajian-kajian lain yang lebih moden dan mendalam.
2.	Al-Barmawi (1427)	Saudi	Kualitatif	<p>Asas dan persamaan berkaitan kaedah <i>Ad-Dharar Yuzal</i> dengan kaedah Usul Fiqh <i>Sad Az-Zari'</i>.</p> <p>Kajian yang dijalankan oleh al-Barmawi ini dihuraikan dengan ringkas dengan hanya menumpukan penulisannya ke arah pengertian serta persamaan kaedah ini dengan kaedah di dalam ilmu Usul Fiqh iaitu menerusi kaedah <i>Sad Az-Zari'</i>. Penyelidikan ini lebih cenderung ke arah menghilangkan sebarang bentuk keburukan dan darar dengan pengaplikasian kaedah <i>Ad-Dharar Yuzal</i> yang memiliki persamaan dengan kaedah <i>Sad Az-Zari'</i>.</p>
3.	Suyuthi (1505)	Negara Arab	Kualitatif	<p>Pengaplikasian kaedah <i>Ad-Dharar Yuzal</i> secara terperinci.</p> <p>Kajian yang dijalankan oleh as-Suyuthi ini dihuraikan dengan terperinci dari sudut pengertian, pendalilan, pengaplikasian kaedah, serta kaedah-kaedah kecil yang terlibat dalam kaedah <i>Ad-Dharar Yuzal</i>. Huraian terperinci yang ditulis oleh Suyuthi ini menyebabkan penulisannya banyak diguna pakai sehingga harini.</p>
4.	Al-Burnu (1996)	Bairut, Lubnan	Kualitatif	<p>Pengaplikasian kaedah <i>Ad-Dharar Yuzal</i> secara terperinci serta penyusunan secara sistematik, lebih moden dan mudah untuk dibaca.</p> <p>Menghuraikan secara terperinci berkaitan maksud kaedah, pendalilan serta menyusun dengan susunan yang sistematik dan tersusun berkaitan kaedah pecahan dari kaedah <i>Ad-Dharar Yuzal</i>. Selain itu, penulisan Al-Burnu (1996) juga dilihat lebih kukuh dengan disertakan pendalilan pada setiap kaedah-kaedah pecahan serta perbezaan dari sudut pengaplikasian setiap kaedah.</p>

Berdasarkan penulisan diatas, penulis dapat membuat huraian tentang persamaan antara keempat-empat penulisan di atas iaitu setiap kajian menekankan berkaitan kaedah *ad-Dharar Yuzal* dari sudut pengertian, pendalilan dan juga pengaplikasian kaedah ini terhadap perkara-perkara yang berhubungkait dengan kemudaratian. Selain itu, persamaan antara penulisan-penulisan di atas adalah berkaitan sumber utama yang digunakan iaitu berlandaskan kepada al-Qur'an dan hadith-hadith berkaitan kaedah *ad-Dharar Yuzal*. Penulis-penulis di atas juga memfokuskan berkaitan kaedah *ad-Dharar Yuzal* serta hubungkait kaedah ini dengan ilmu Usul dan Qawaid Fiqh.

Perbezaan antara keempat-empat penulisan di atas dapat dilihat melalui penulisan Subki(1369) yang menitik beratkan serta menekankan asas dan prinsip-prinsip bagi kaedah *ad-Dharar Yuzal* tanpa memfokuskan penulisannya kearah kemodenan. Menerusi penulisan al-Barmawi(1427) pula, penulis hanya menghubungkan kaedah *ad-Dharar Yuzal* dengan salah satu daripada kaedah Usul iaitu *Sad Az-Zarai'* dan lebih memberikan tumpuan perbincangan kearah persamaan di antara Qawaaid Fiqh dengan Usul Fiqh sahaja. Selain itu, as-Suyuthi(1505) membahaskan kaedah *Ad-Dharar Yuzal* ini ke arah yang lebih terperinci dari sudut asas utama, pendalilan, pecahan kaedah serta pengaplikasian. Menurut penulisan daripada al-Burnu(1996), penulis lebih cenderung ke arah kemodenan penulisan dan penyusunan yang lebih sistematik serta menyelaraskan penulisan ke arah kontemporari.

Berdasarkan daripada keempat-empat penulisan ini, penulis dapat menyimpulkan bahawa kajian-kajian yang telah disebutkan memiliki persamaan dari sudut huraian pengertian, pendalilan dan juga kaedah-kaedah di bawah kaedah *ad-Dharar Yuzal*. Adapun perbezaan antara keempat-empat penulisan dengan penulisan yang dijalankan adalah penulisan ini akan memfokuskan pengaplikasian kaedah *ad-Dharar Yuzal* dalam pendaftaran perkahwinan.

Jadual 2: Sorotan Literatur Konsep Darar

No	Pengkaji	Tempat	Metodologi	Ringkasan dapatan
1.	Shaberi et al.(2022)	Malaysia	Kualitatif	<p>Aplikasi Darar dalam pelaksanaan Euthanasia</p> <p>Penulisan ini menjuruskan kajian kepada pengaplikasian kaedah Darar dalam masalah berkaitan pesakit Covid-19 yang ditidurkan dan tiada harapan untuk sembah. Penulis mengkaji dan mengaplikasi kaedah Darar dalam permasalahan pesakit yang tiada harapan untuk pulih dengan menggunakan kaedah Euthanasia.</p> <p>Penulisan ini hanya memfokuskan kajian kepada aplikasi Darar dalam masalah Euthanasia terhadap pesakit Covid-19 sahaja.</p>
2.	Ibrahim, M. R et al. (2024)	Malaysia	Kualitatif	<p>Parameter Darar dalam membina SOP menangani pandemik dari sudut empat mazhab</p> <p>Penulisan ini menjuruskan kajian kepada parameter kaedah <i>Darar</i> dalam pembinaan garis panduan SOP bagi menanggani pandemik Covid-19 melalui pandangan empat mazhab.</p> <p>Penulisan ini hanya memfokuskan kajian kepada penggunaan Darar dalam membina SOP menanggani pandemik dari sudut empat mazhab.</p>
3.	Shaberi, et al. (2023)	Malaysia	Kualitatif	<p>Aplikasi Darar dalam pelaksanaan menghentikan alat pernafasan terhadap pesakit Covid-19</p>

				Penulisan ini menjuruskan kajian kepada pengaplikasian kaedah Darar dalam hal berkaitan perubatan, iaitu menghentikan alat pernafasan terhadap pesakit Covid-19. Perkara ini dikaji kerana terdapat kes berkaitan pesakit-pesakit Covid-19 yang tiada harapan untuk sembuh dan dicadangkan untuk menghentikan alat pernafasan kepada pesakit. Penulisan ini hanya memfokuskan kajian kepada penggunaan Darar dalam perubatan iaitu berkaitan hukum menghentikan alat pernafasan kepada pesakit Covid-19 sahaja. Hasil dapatan kajian juga menunjukkan bahawa hukum keatas perbuatan menghentikan alat bantuan pernafasan terhadap pesakit Covid-19 adalah harus kerana wujudnya darar sekiranya tidak dilaksanakan perkara tersebut terhadap pesakit Covid-19.
4.	Gunardi, S. et al. (2020)	Malaysia	Kualitatif	<p>Konsep aplikasi fiqh Darurat dalam menyelesaikan isu-isu fiqh semasa menghadapi penularan Covid-19.</p> <p>Penulisan ini menjuruskan kajian kepada pengaplikasian konsep fiqh Darurat dalam hal berkaitan Covid-19. Penulisan ini hanya membincangkan dan mengkaji berkaitan isu-isu Covid-19 yang diselesaikan menggunakan fiqh Darurat sahaja. Penulis juga mendapati bahawa fiqh darurat merupakan panduan dalam menyelesaikan isu-isu fiqh ketika penularan wabak pandemik Covid-19 berlaku. Implikasi kajian mendapati bahawa isu fiqh dapat ditanggani melalui fiqh darurat.</p>

Berdasarkan penulisan yang telah dinyatakan, penulis mendapati bahawa penulisan di atas memiliki persamaan dan perbezaan yang tertentu. Antara persamaan tersebut adalah keempat-empat penulisan di atas mengaplikasi kaedah *Ad-Dharar Yuzal* dan berteraskan kepada konsep Darar dan fiqh darurat bagi menyelesaikan isu berkaitan pandemik Covid-19 mahupun dalam aspek perubatan mahupun kesihatan. Berdasarkan penulisan Shaberi et al.(2022) dan Shaberi, et al. (2023) didapati bahawa teras pengaplikasian kaedah fiqh dalam menanggani kemudaratian yang timbul terhadap pesakit Covid-19 adalah sama. Selain itu, keempat-empat penulisan di atas menggunakan pendekatan fiqh dalam menentukan keputusan bagi menghilangkan kemudaratian yang timbul.

Terdapat juga perbezaan yang timbul daripada keempat-empat penulisan di atas seperti Shaberi et al.(2022) yang menumpukan penulisan kepada Euthanasia dengan menggunakan konsep Darar dalam perubatan sahaja. Penulisan Ibrahim, M. R et al. (2024) telah menggunakan kaedah Darar dalam permasalahan Covid-19 sahaja dengan mewujudkan parameter dalam pembinaan

SOP bagi menghadapi pandemik melalui pandangan empat mazhab. Di samping itu, Shaberi, et al. (2023) menjuruskan penulisannya terhadap masalah menghentikan alat bantuan pernafasan terhadap pesakit Covid-19 serta mengkaji keharusan tindakan tersebut. Menerusi penulisan Gunardi, S. et al. (2020), penulis hanya membincangkan berkaitan konsep fiqh Darurat sebagai mekanisma utama dijadikan panduan dalam menyelesaikan isu-isu yang timbul ketika pandemik tanpa menumpukan kepada permasalahan seperti perubatan mahupun SOP sahaja.

Berdasarkan daripada keempat-empat penulisan ini, penulis dapat menyimpulkan bahawa kajian-kajian yang telah disebutkan memiliki persamaan dari sudut huraian menggunakan konsep darar dan fiqh Darurat yang selari dengan perbincangan kaedah *ad-Dharar Yuzal*. Adapun perbezaan antara keempat-empat penulisan ini dengan penulisan yang dijalankan adalah penulisan di atas hanya memberi fokus kepada isu-isu yang berhubung kait dengan Pandemik Covid-19 sahaja manakala pelisan ini akan memfokuskan pengaplikasian kaedah *ad-Dharar Yuzal* dalam pendaftaran perkahwinan.

Jadual 3: Sorotan Literatur Pengaplikasian Kaedah *Ad-Dharar Yuzal*

No	Pengkaji	Tempat	Metodologi	Ringkasan dapatan
1.	Mat Yasin, M. F. et al. (2021)	Malaysia	kualitatif	<p>Penggunaann kaedah <i>Ad-Dharar Yuzal</i> dalam menanggani polemik pengambilan vaksin Covid-19.</p> <p>Penulisan ini dijalankan bagi menjawab perdebatan mengenai keselamatan dan kesan vaksin terhadap kesihatan manusia. Namun, penulisan ini menggunakan pengaplikasian kaedah <i>Ad-Dharar Yuzal</i> hanya untuk mnerangkan keharusan hukum pengambilannya bagi menjawab tanggapan negatif berkaitan vaksin.</p> <p>Penulisan ini menjuruskan kajian kepada pengaplikasian <i>Ad-Dharar Yuzal</i> dalam keharusan pengambilan vaksin sahaja dan tidak melibatkan isu-isu lain berkaitan muamalat, munakahat dan jinayat. Penulisan ini juga jelas berbeza dengan artikel yang ditulis ini kerana artikel ini tidak menyentuk pengaplikasian kaedah ke arah pendaftaran perkahwinan.</p>
2.	Erfan, A. K. et al. (2022)	Malaysia	kualitatif	<p>Aplikasi <i>ad-Dharar Yuzal</i> dalam bidang penstrukturran pembiayaan kewangan Islam.</p> <p>Penulisan ini dijalankan bagi menyeimbangkan di antara kemudaratian yang timbul dalam pembiayaan kewangan iaitu melibatkan kemudaratian besar dan kemudaratian yang ringan. Dalam perdebatan mengenai penulisan ini, cabaran utama adalah bagi mencari titik keadilan bagi individu dan</p>

				perbankan secara menyeluruh. Hasil mendapati bahawa penstruktur semula pembiayaan telah mengaplikasikan kaedah menghilangkan kemudaratan sama ada melibatkan pertembungan situasi umum dan khusus, kemudaratan besar dan ringan, atau kemudaratan dan kemaslahatan.
3.	Fatimah, M. T. et al. (2021)	Malaysia	Kualitatif	<p>Prinsip <i>ad-Dharar Yuzal</i> dalam tuntutan fasakh.</p> <p>Penulisan ini menjuruskan kajian kepada pengaplikasian kaedah <i>ad-Dharar Yuzal</i>. Kaedah <i>ad-Dharar Yuzal</i> diguna pakai bagi tujuan tuntutan fasakh dan ke atas kes-kes yang melibatkan keburukan yang timbul dalam rumah tangga.</p> <p>Dalam perkahwinan yang membawa kepada kemudaratan yang lebih banyak berbanding kemudaratan, pembubaran perkahwinan melalui kaedah fasakh menjadi satu keutamaan dengan meletakkan asas kaedah <i>ad-Dharar Yuzal</i> sebagai asas bagi menghentikan kemudaratan dari terus berlaku.</p>
4.	Heny, L. H. et al. (2021)	Indonesia	Kualitatif	<p>Transfusi darah dalam timbang fiqh: antara najis dan maslahah perspektif kaedah <i>ad-Dharar Yuzal</i>.</p> <p>Penulisan ini menjuruskan kajian kepada pengaplikasian kaedah <i>ad-Dharar Yuzal</i> dalam permasalahan transfusi darah yang melibatkan hal berkaitan najis dan maslahah. Pada asalnya pengamalan ini dianggap haram, akan tetapi melalui prinsip <i>ad-Dharar Yuzal</i>, kaedah ini memainkan peranan dalam menentukan hukum penggunaan transfusi darah apabila timbulnya kemudaratan yang lebih besar iaitu ancaman terhadap nyawa pesakit.</p> <p>Hasil kajian mendapati bahwasanya pada asalnya, hukum haram menggunakan transfusi darah. Walau bagaimanapun, hukumnya berubah apabila timbulnya kemudaratan dan dibolehkan bagi menghilangkan kemudaratan.</p>

Berdasarkan penulisan yang telah dinyatakan, didapati bahawa terdapat persamaan dan perbezaan antara kajian yang dinyatakan di atas. Antara persamaan tersebut adalah keempat-empat kajian diatas mengaplikasikan kaedah *ad-Dharar Yuzal* sebagai tunjang utama dalam membuat keputusan yang melibatkan kemudaratan dalam konteks kesihatan, kewangan, transfusi darah mahupun perkahwinan. Selain itu, kesemua kajian di atas menggunakan pendekatan kaedah fiqh bagi menyelesaikan masalah yang dihadapi yang melibatkan kesihatan, kewangan, transfusi darah mahupun perkahwinan.

Antara perbezaan yang dapat dilihat daripada kajian-kajian di atas adalah bersadarkan kajian Mat Yasin, M. F. et al. (2021), didapati bahawa kajian ini hanya menumpukan ke arah keharusan pengambilan vaksin Covid-19 serta menjawab isu polemik yang timbul daripada pengambilan vaksin itu sendiri. Menurut kajian Erfan, A. K. et al. (2022), penulis mendapati bahawa penulis menjuruskan kajiannya ke arah pengaplikasian kaedah *ad-Dharar Yuzal* terhadap pembiayaan kewangan Islam. Hal ini dilihat penting dan selari dengan keperluan pembiayaan yang berhadapan dengan risiko antara bahagian kewangan dengan pihak lain. Selain itu, Fatimah, M. T. et al. (2021), menghuraikan berkaitan tuntutan fasakh yang menjadi pilihan sekiranya timbul kemudarat dalam institusi rumah tangga tersebut. Kajian berkaitan fasakh ni menggunakan kaedah *ad-Dharar Yuzal* sebagai tunjang utama dalam permasalahan fasakh perkahwinan. Di samping itu, Heny, L. H. et al. (2021) membahaskan berkaitan penggunaan kaedah *ad-Dharar Yuzal* dalam menetapkan hukum berkaitan transfusi darah. Hal ini kerana permasalahan transfusi darah melibatkan status najis pada darah itu sendiri.

Berdasarkan daripada keempat-empat penulisan ini, penulis dapat menyimpulkan bahawa kajian-kajian yang telah disebutkan memiliki persamaan dari sudut pengaplikasian kaedah *ad-Dharar Yuzal* tetapi dalam konteks pengambilan vaksi, pembiayaan kewangan Islam, permasalahan fasakh perkahwinan dan transfusi darah sahaja. Perkara ini dilihat berbeza dengan penulisan yang dijalankan iaitu penulisan ini memfokuskan kajian kepada permasalahan pendaftaran perkahwinan di negeri Kedah.

Jadual 4 : Sorotan Literatur Pendaftaran Perkahwinan

No	Pengkaji	Tempat	Metodologi	Ringkasan dapatan
1.	Kabeer, K. S. et al. (2021)	Malaysia	Kualitatif	<p>Perkahwinan dalam kalangan pelarian Rohingya.</p> <p>Penulisan ini menjuruskan kajian kepada isu perkahwinan dalam kalangan pelarian Rohingya dengan menitik beratkan pendaftaran perkahwinan serta keperluannya dalam memastikan keabsahan hubungan suami isteri dan penjagaan nasab anak-anak. Penulisan ini juga berhubungkait antara kepentingan maqasid syariah dalam melindungi hak wanita serta anak-anak daripada timbul sebarang bentuk kemudarat (daruriyat) yang berpanjangan.</p>
2.	Zainalabidin, A. M. et al. (2024)	Malaysia	Kualitatif	<p>Implikasi terhadap anak akibat kegagalan ibu bapa mendaftarkan perkahwinan.</p> <p>Penulisan ini menjuruskan kajian kepada isu berkaitan implikasi terhadap anak akibat kegagalan ibu bapa mendaftarkan perkahwinan.</p> <p>Dapatkan kajian mendapati bahawa terdapat banyak kesan sampingan yang akan timbul rentetan dari kegagalan dan keengganahan ibu bapa mendaftarkan perkahwinan terutamanya dari aspek status anak tersebut</p>

				dan keadaan ini akan menimbulkan konflik-konflik yang lain sama ada jangka masa pendek mahupun jangka masa panjang.
3.	Novitasari K. D. et al. (2022)	Indonesia	Kualitatif	<p>Pengaturan status perkahwinan bagi anak hasil perkahwinan campuran.</p> <p>Penulisan ini menjuruskan kajian kepada isu berkaitan status kewarganegaraan bagi anak yang lahir daripada perkahwinan campuran. Berdasarkan hasil kajian ini, pengaturan status kewarganegaraan anak hasil perkahwinan campuran ditetapkan dalam Akta Kewarganegaraan Republik Indonesia Nombor 12 Tahun 2006. Anak yang lahir daripada perkahwinan campuran berhak untuk menyatakan dan memilih kewarganegaraannya dalam tempoh maksimum 3 tahun selepas mencapai usia 18 tahun atau setelah berkahwin. Tatacara pendaftaran anak hasil perkahwinan campuran mesti dibuat secara bertulis dalam bahasa Indonesia dan dilakukan oleh wali atau ibu bapa yang sah.</p>
4.	Borhanuddin, S. A. et al. (2023)	Malaysia	Kualitatif	<p>Perkahwinan yang tidak sah yang berhubungkait dengan isu kewalian.</p> <p>Penulisan ini menjuruskan kajian kepada isu berkaitan perkahwinan yang tidak sah dari sudut syarak yang berkaitan isu kewalian. Penulisan ini mengupas berkaitan risiko daripada perkahwinan tanpa kebenaran yang boleh mengundang kemudaratan pada masa akan datang seperti perkahwinan tersebut tidak sah disebabkan terdapat kecacatan pada isu kewalian.</p> <p>Hasil kajian mendapati meskipun terdapat perbahasan mengenai perkahwinan yang tidak sah dari segi syarak seperti masalah dari sudut perwalian, namun takrif kesalahan berkahwin tanpa kebenaran lebih hampir dengan istilah undang-undang keluarga Islam berdasarkan jenis-jenis kesalahan.</p>

Berdasarkan penulisan yang telah disebutkan, penulis mendapati bahawa persamaan antara keempat-empat kajian ini adalah setiap kajian menekankan berkaitan kepentingan pendaftaran perkahwinan sebagai perlindungan sosial bagi individu, keluarga dan masyarakat. Setiap kajian menunjukkan bahawa kegagalan bagi mendaftar perkahwinan akan menyebabkan implikasi yang bakal dihadapi oleh isteri dan anak-anak serta status anak itu sendiri.

Peerbezaan antara keempat-empat penulisan ialah melalui penulisan Kabeer, K. S. et al. (2021) dilihat lebih menumpukan kepada aspek penggunaan maqasid syariah serta kebijakan pelarian

Rohingya. Penulisan daripada Zainalabidin, A. M. et al. (2024) pula menjurus kearah kesan sosial disebabkan keengganan pasangan ibu bapa untuk mendaftarkan perkahwinan. Selain itu, penulisan Novitasari K. D. et al. (2022) lebih kearah undang-undang yang berhubungkait dengan status kewarganegaraan anak dalam hal berkaitan perkahwinan campuran. Manakala penulisan ke empat daripada Borhanuddin, S. A. et al. (2023) mengupas permasalahan hukum fiqh mengenai menjadi suatu kesalahan mengenai perkahwinan tanpa kebenaran.

Kesimpulan daripada keempat sorotan ini, penulis mendapati bahawa kajian-kajian yang telah disebutkan berbeza dengan kajian yang dijalankan dan tidak ada penulisan berkaitan pengaplikasian kaedah *ad-Dharar Yuzal* dalam pendaftaran perkahwinan.

Metodologi Kajian

Reka Bentuk Kajian

Kajian literatur ini di jalankan dengan menggunakan kaedah kualitatif bagi memberi fokus kepada pengaplikasian kaedah *ad-Dharar Yuzal* secara menyeluruh di dalam isu pendaftaran perkahwinan serta memahami kaedah pengaplikasian terhadap masalah yang dikaji. Selain itu, reka bentuk kajian kepustakawan digunakan dengan menyediakan sumber primer dan sekunder yang membolehkan penulisan ini membuat rujukan berdasarkan sumber utama daripada al-Quran, hadith, penulisan-penulisan ulama terdahulu dan artikal kajian lepas dengan menjalankan analisis kandungan secara tematik melalui pemilihan dan pengumpulan data serta analisis berkaitan persamaan dan perbezaan antara kajian-kajian lepas.

Pengumpulan Data

Untuk pengumpulan data, pengkaji menggunakan kaedah kepustakawan dengan menggunakan method pengumpulan data melalui akses digital seperti mendapatkan maklumat berkaitan kajian lepas seperti akses bahan ilmiah melalui artikal, jurnal, tesis, laporan penyelidikan akademik dan lain-lain bagi mendapatkan maklumat penting untuk menyokong kajian yang dijalankan. Fokus kaedah ini adalah untuk menganalisis bahan serta mengkaji semula penulisan dan bahan yang telah diterbitkan seperti buku, majalah ilmiah, artikel, tesis dan lain-lain dokumen berkaitan.

Analisis Dan Dapatkan

Hasil analisis kajian yang telah dijalankan ini dibentangkan mengikut tiga tema seperti berikut:

Kaedah *Ad-Dharar Yuzal*

Kajian yang dijalankan di bawah tema yang pertama adalah kaedah *ad-Dharar Yuzal* boleh dirumuskan bahawa sorotan literatur yang telah disenaraikan ini merangkumi beberapa aspek dalam kaedah *ad-Dharar Yuzal* berpandukan kepada Qawaid Fiqh utama, pengertian kaedah, pendalilan bagi kaedah ini, serta pengaplikasian kaedah ini di Malaysia. Antara rujukan utama yang digunakan adalah seperti Tajuddin as-Subki (1991), Jalaluddin as-Suyuthi (1983), al-Barmawi (2015), dan al-Burnu (1996).

Sorotan literatur ini merangkumi kajian yang telah dijalankan yang melibatkan penulisan ulama-ulama terdahulu yang telah menerangkan berkaitan kaedah ini secara umum dari sudut maksud kaedah sehingga pengaplikasian kaedah. Selain itu, penulisan daripada al-Burnu juga menerapkan disiplin penyusunan yang baik serta moden bagi memudahkan para pengkaji membuat rujukan.

Pecahan Kaedah Yang Berhubung Kait Dengan *Ad-Dharar Yuzal*

Berdasarkan tema yang kedua, dapat disimpulkan bahawa kajian-kajian ini telah menjawab persoalan bagaimana kaedah ini dipecahkan kepada kaedah-kaedah kecil di bawah kaedah utama *ad-Dharar Yuzal*. Oleh yang demikian, dapat dilihat bahawa fokus utama bagi persoalan tersebut adalah bagaimana kaedah-kaedah kecil ini diaplikasikan dan diguna pakai bagi banyak pemasalahan yang baharu. Antara rujukan yang berjaya disorot adalah Mat Yasin, M. F. et al. (2021), Erfan, A. K. et al. (2022), Fatimah, M. T. et al. (2021) dan juga satu kajian dari Indonesia iaitu daripada Heny, L. H. et al. (2021).

Sorotan literatur ini merangkumi kajian pengaplikasian terhadap masalah-masalah terkini yang tiada nas pada zaman dahulu. Akan tetapi, pengaplikasian kaedah ini dalam penetapan hukum berkaitan perkara baharu dilihat sangat penting kerana kaedah ini selari dengan Maqasid Syariah dan tuntutan fitrah manusia yang tidak suka kepada sebarang bentuk kemudaratian.

Kesan Dan Kemudaratatan Dari Perkahwinan Yang Tidak Didaftarkan

Berdasarkan kepada tema yang ketiga ini, dapat dirumuskan bahawa terdapat beberapa kajian yang menyumbang kepada aspek kemudaratatan seperti kemudaratatan yang dihadapi sekiranya tidak mendaftar perkahwinan seperti Kabeer, K. S. et al. (2021), Zainalabidin, A. M. et al. (2024), dan kajian dari Indonesia iaitu daripada Novitasari K. D. et al. (2022). Selain itu, dapat dirumuskan bahawa di dalam perundangan tidak disebutkan sebagai pendaftaran perkahwinan yang tidak didaftar. Akan tetapi di dalam perundangan, istilah tidak mendaftar perkahwinan disebut sebagai berkahwin tanpa kebenaran seperti kajian Borhanuddin, S. A. et al. (2023).

Analisis Keseluruhan Sorotan Kajian

Berdasarkan analisis daripada tema-tema yang telah dinyatakan, dapat disimpulkan bahawa terdapat penulisan yang menyeluruh berkaitan kaedah *ad-Dharar Yuzal* serta kaedah pengaplikasian kaedah-kaedah kecil di bawah kaedah *ad-Dharar Yuzal*. Selain itu, terdapat juga beberapa penulisan yang menceritakan pendaftaran perkahwinan atau disebut sebagai berkahwin tanpa kebenaran yang menjuruskan kajian ke arah undang-undang sahaja. Di samping itu, beberapa penulisan yang telah dijalankan yang melibatkan pengaplikasian kaedah *ad-Dharar Yuzal* dalam permasalahan berkaitan perubatan, munakahat serta pengaplikasian dalam masalah fasakh, serta muamalat yang menjelaskan berkaitan pengaplikasian kaedah dalam skim pembiayaan. Akan tetapi, tiada sebarang penulisan atau kajian berkaitan pengaplikasian kaedah *ad-Dharar Yuzal* dalam terhadap pendaftaran perkahwinan. Oleh itu, kajian ini dijalankan bagi mengaplikasikan kaedah *ad-Dharar Yuzal* dalam pendaftaran perkahwinan di negeri Kedah.

Konsep *Ad-Dharar Yuzal* Dan Pengaplikasiannya Dalam Kewajiban Pendaftaran Perkahwinan

Definisi Kaedah (*Ad-Dharar Yuzal*)

Kaedah Fiqh *Ad-Dharar Yuzal* (Tiada kemudaratatan dan tidak boleh memberi kemudaratatan) merupakan salah satu daripada lima kaedah utama (*al-Qawaaid al-Kulliyyah al-Khoms*) (al-Sayuti, Abdul Rahman bin al-Kamal. 1983). Kaedah ini merupakan kaedah utama dan di antara kaedah yang terpenting di dalam Islam kerana kaedah ini selari dengan tuntutan Agama Islam dalam memelihara keperluan utama dan menghalang daripada sebarang bentuk keburukan keatasnya. (Ibnu Qudamah, 1981)

Ad-Dharar bermaksud kemudarat. Dari sudut bahasa Arab adalah merujuk kepada beberapa makna, antaranya adalah sesuatu yang bertentangan dengan manfaat, iaitu seperti kesempitan, tekanan dan bahaya.

Definisi kaedah *Ad-Dharar Yuzal* dari sudut istilah adalah mencegah daripada perbuatan yang mendarangkan kemudarat keatas diri atau keatas orang lain. Dan menjadi kewajipan untuk menghilangkan kemudarat tersebut sama ada sebelum ia berlaku mahupun setelah ia berlaku (Muhammad Othman Syubair, 2007)

Pecahan Kaedah-Kaedah Yang Berhubung Kait Dengan Kaedah *Ad-Dharar Yuzal*

La Darar Wa La Dirar

Kaedah ini bermaksud tiada mudarat dan tidak memberi kemudarat. Kaedah ini diambil oleh para ulama' berdasarkan sabda Nabi S.A.W: "tiada mudarat dan tidak memberi kemudarat". Selain itu, kaedah ini dapat diaplikasikan dengan masalah seperti seseorang lelaki yang berkahwin, apabila perkahwinan tersebut tidak didaftarkan, maka ia akan memudaratkan pasangannya iaitu isteri dengan ternafinya hak isteri dan anak disebabkan tiada pembuktian perkahwinan dokumentasi.

Ad-Darar La Yuzalu Bi Mimislihi

Kaedah ini bermaksud sesuatu kemudarat itu tidak boleh dihapuskan dengan kemudarat yang seumpamanya. Kaedah ini dilihat penting dalam pengaplikasian seperti seorang suami yang berkahwin dan melakukan kemudarat terhadap dirinya dengan tidak mendaftar perkahwinan, kemudian suami tersebut hendak menghilangkan kemudarat itu dengan cara meninggalkan isteri dan anaknya. Maka perkara yang dilakukan itu lebih besar akan mudaratnya terhadap isteri dan anak. Oleh itu, perbuatan yang kedua itu mendarangkan kemudarat yang lebih besar berbanding kemudarat yang pertama. Dan perkara yang berlaku ini adalah selari dengan pengaplikasian kaedah ini.

Ad-Darar Yudfa'u Bi Qadri Imkan

Kaedah ini bermaksud kemudarat itu mesti ditolak dengan seberapa yang terdaya. Kaedah ini banyak diaplikasikan dalam penetapan kewajipan dalam pematuhan peraturan. Contohnya adalah pemerintah mewajibkan prosedur pendaftaran perkahwinan dilaksanakan untuk mengangkat kemudarat yang berkemungkinan dan akan berlaku sekiranya tidak ada pembuktian perkahwinan.

Yatahammalu Darar Al-Khos Li Daf'ie Darar Al-'Am

Kaedah ini bermaksud ditanggung akan kemudarat yang khusus kerana menolak kemudarat yang umum. Aplikasi ini dapat dilihat akan pengaplikasiannya seperti mengenakan denda ke atas pasangan tersebut bagi mengelakkan kemudarat umum seperti percampuran nasab, dan pengelakkan pendakwaan nasab seseorang.

Dar'u Al-Mafasid Aula Min Jalbu Al-Masholeh

Kaedah ini bermaksud menolak sebarang bentuk kerosakan itu lebih terutama daripada menarik manfaat. Kaedah ini dapat diaplikasikan dengan mewajibkan pendaftaran perkahwinan bagi mengelakkan kemudarat yang boleh berlaku kepada isteri dan anak-anak seperti penafian tuntutan hak nafkah, tuntutan pewarisan harta pusaka, hak penasaban anak dan masalah dokumentasi pembuktian perkahwinan.

Kesan Dan Kemudaratan Dari Perkahwinan Yang Tidak Didaktarkan

Implikasi Terhadap Perundangan

Implikasi dan kesan daripada perkahwinan yang tidak didaftarkan ini adalah Pasangan yang tidak mendaftarkan perkahwinan akan memberi kemudaratan kepada pasangan tersebut kerana pasangan tersebut telah melanggar seksyen 25, pendaftaran perkahwinan dan akan dikenakan denda dan hukuman. (Enakmen Keluarga Islam Negeri Kedah. 2008).

Implikasi Terhadap Hak Pasangan

Pada hakikatnya, kesan negatif perkahwinan yang tidak berdaftar adalah terikat kepada keduadua belah pihak. (Siti Aishah Borhanuddin, Mahamatayuding Samah, dan Mohd Norhusairi Mat Hussin. 2022). Mana-mana pasangan yang ingin melakukan urusan pembubaran perkahwinan seperti talak, Khuluk, Ta'lik, Li'an dan Fasakh hendaklah melakukan permohonan di bawah Undang-undang Keluarga Islam negeri masing-masing. (Noraini Mohd Hashim. 2007:23). Selain itu, tidak dinafikan bahawa masalah yang perlu dihadapi oleh pihak isteri ialah apabila digantung tidak bertali sekiranya ditinggalkan. Bahkan kesan yang akan berlaku terhadap isteri adalah pihak isteri sukar untuk berkahwin lagi pada masa akan datang. (Mohd Nasran, 2008)

Implikasi Terhadap Hak Anak

Kemudaratan lain yang bakal dihadapi oleh pasangan dan anak-anak mereka adalah kesukaran dalam hal berkaitan pendataran anak yang melibatkan pihak pasangan dan anak dengan Jabatan Pendaftaran Negara yang boleh menyebabkan pasangan dan anak mereka tidak dapat didaftarkan. Anak-anak pula akan tergolong dalam kategori anak tak sah taraf disebabkan kegagalan ibu bapa mereka mendaftar perkahwinan melalui saluran undang-undang yang sah. (Noor Salwani Hussin, 2015). Seterusnya, hak pewarisan terhadap anak yang dilahirkan tanpa dokumentasi yang sah juga menyebabkan anak tersebut akan ternafi haknya di sisi undang-undang kerana statusnya yang boleh dikategorikan sebagai sama dengan anak tak sah taraf. Hasil kajian mendapati bahawa anak tak sah taraf itu boleh mendapatkan hak pewarisan harta pusaka daripada pihak ibunya, tetapi terhalang bagi mengambil dan mewarisi harta pusaka dari ayah biologinya bahkan tidak boleh menjadi walinya kesan daripada status anak tersebut. (Muhammad Aunurrochim Mas'ad dan Mohamad Zakwan Nafis Mohamed Zamri. 2018: 5-6).

Kesimpulan

Kesimpulannya, kaedah *ad-Dharar Yuzal* banyak diguna pakai dalam hal yang berkaitan hukum hakam dan undang-undang yang terkait dengan institusi kekeluargaan Islam. Hal ini disebabkan isu-isu yang timbul dalam hal berkaitan kekeluargaan ini telah melibatkan hak dan kepentingan seseorang individu dengan individu yang lain. Oleh itu, pengaplikasian kaedah ini sangatlah dituntut agar kemudaratan dapat dihilangkan tidak kira pada individu mahupun orang lain serta mengambil kira perkara yang telah berlaku, sedang berlaku, mahupun yang bakal berlaku.

Berdasarkan pengaplikasian dalam hal berkaitan pendaftaran perkahwinan ini, penulis dapat menyimpulkan bahawa kewujudan undang-undang yang telah mewajibkan sesebuah perkahwinan itu perlu didaftarkan bukanlah undang-undang yang hanya direka sekadar suka-suka. Bahkan undang-undang ini dibina untuk memelihara masyarakat daripada sebarang bentuk kemudaratan seperti yang telah disebutkan dalam penulisan ini dan mengelakkan implikasi pada masa akan datang yang melibatkan ramai pihak.

Fakta mengenai implikasi kepada perkahwinan yang tidak didaftarkan membuktikan bahawa sikap masyarakat di Malaysia khususnya masih kurang faham tentang kewujudan undang-undang. Sesungguhnya undang-undang yang diwajibkan itu adalah selaras dengan kaedah *ad-Dharar Yuzal*. Sikap sebegini membuktikan bahawa meskipun kesalahan ini telah banyak dibincangkan, masih banyak kajian yang perlu dijalankan untuk mengambil kira kesalahan yang acapkali berlaku dalam masyarakat. Perkara ini memerlukan kajian lanjut dengan mengambil kira kesalahan yang sentiasa berlaku. Selain itu, keperluan kepada kajian lanjutan dari aspek pengaplikasian kaedah fiqh dan penjelasan kemudaratannya dan implikasi perlu dijalankan atas sebab peningkatan kesalahan yang berlaku adalah kerana ketidakpatuhan masyarakat terhadap undang-undang yang dibuat serta mereka tidak melihat kesan dan sebab undang-undang itu digubal sehingga kes sebegini kian meningkat.

Rujukan

- Daruqutni (1277). Arbaun An-Nawawi. *Dar Minhaj*, Lubnan, 1(97).
- Al-Baidhowi. (1268). Tafsir al-Baidhowi. *Dar Ihya' Turath al-Arabi*, Lubnan, 1(143).
- Tajuddin Subki. (1369). Al-Asybah An-Nazair. *Dar Al-Kutub Al-Alamiyyah*, Lubnan, 1(2), 41.
- Syamsuddin Al-Barmawi (1427). Al-Fawaid As-Sanniyyah. *Dar An-Nasihah*, Saudi, 1(5), (2127)
- Jalaluddin As-Suyuthi. (1505). Al-Asybah An-Nazair. *Dar Kutub Al-Ilmiyyah*, Lubnan, 1(83).
- Muhammad Sidqi Al- Burnu (1996). Al-Wajiz Fi Idhoh Qawa'id Al-Fiqhiyyah Al-Kulliyyah. *Muassasah Ar-Risalah Al-Alamiyyah*, Lubnan. 4(1),(258).
- Ibrahim, M. R., Mohamad Hilmi, A. M., Abdulllah, M. I., Omar, I., Baharudin, A. H., Abdul Mutualib, L., Shaberi, M. (2022). Aplikasi Kaedah Darar Dalam Pelaksanaan Eutanasia Terhadap Pesakit Covid-19: Satu Sorotan Literatur. *6th Muzakarah Fiqh & International Conference 2022*, 196.
- Ibrahim, M. R., Mohamad Hilmi, A. M., Abdulllah, M. I., Omar, I., Baharudin, A. H., Abdul Mutualib, L., & Shaberi, M. Parameter Darar Dalam Membina Prosedur Operasi Standard (SOP) Menangani Pandemik Daripada Perspektif Empat Mazhab (2024). *Journal of Muwafaqat*, 7(2), 101-124.
- Ibrahim, M. R., Mohamad Hilmi, A. M., Abdulllah, M. I., Omar, I., Baharudin, A. H., Abdul Mutualib, L., & Shaberi, M. (2023). Aplikasi Kaedah Darar Dalam Pelaksanaan Menghentikan Alat Bantuan Pernafasan Terhadap Pesakit COVID-19: Satu Sorotan Literatur *Journal of Muwafaqat*, 6(2), 35-53.
- Gunardi, S., Abdul Mutualib , L., Awang, M. S., Wan Ismail, W. A. F., Baharuddin, A. S., Ismail, A. M., Salleh, S. F., & Ahmad, M. H. (2020). Konsep Dan Aplikasi Fiqh Darurat Dalam Menyelesaikan Isu-Isu Fiqh Semasa Menghadapi Penularan Pandemik Covid-19, *INSLA e-Proceeding*, 3(1), 566-574.
- Mat Yasin, M. F., Hanapi, M. S. (2021). Pengurusan Fiqh Pengambilan Vaksin Covid-19: Kajian Berdasarkan Kaedah Al-Dharar Yuzal. *Journal of Islamic, Social, Economics and Development (JISED)*. 6(39), 386-398.
- Erfan Asmaie Khairul Anam, Abdul Basir Mohamad, Mohammad Zaini Yahaya. (2022). Analisis Kaedah Menghilangkan Kemudaratian Dalam Penstrukturran Semula Pembiayaan Islam. *Journal of Contemporary Islamic Law*, 7(1), 14-25.
- Tengku Fatimah Muliana Tengku Muda, Azizah Mohd & Noraini Md.Hashim. (2021). Hak Isteri Terhadap Fasakh Menghilangkan Kemudaratian dalam Perkahwinan. *Fiqah Kekeluargaan Islam: Isu Terpilih*. 42-55.
- Heny Lutfiana Hamdi, Achmad Fageh. (2021). Transfusi Darah Dalam Timbangan Fikih: Antara Najis Dan Maslahah Perspektif Kaidah Al-Darar Yuzāl. *Akademika*, 15(1), 9-22.

- Kabeer, K. S., Supaat, D. I., & Suhami, F. M., (2021). Pendaftaran Perkahwinan Pelarian Rohingya Dan Perlindungan Nasab. *International Journal for Studies on Children, Women, Elderly and Disabled*. (13), 103-109.
- Zainalabidin, A. M., & Hussin, Z., (2024). Pendaftaran Perkahwinan: Implikasi Terhadap Status Taraf Kelahiran Anak. *E-Proceeding The 9th International Conference on Figure:Nabawi Heritage (SWAN 2024)*, 326-339.
- Novitasari Kusuma Dewi, Anak Agung Sagung Laksmi Dewi, Luh Putu Suryani (2022). Figure:Pendaftaran Kewarganegaraan Anak Hasil Perkawinan Campuran. *Jurnal Interpretasi Figure:Hukum*. 3(2), 275-281.
- Borhanuddin, S. A., Samah, M., & Hussin, M. N., (2023). Kesalahan Berkahwin Tanpa Figure:Kebenaran Bagi Orang Islam Di Malaysia: Tinjauan Berdasarkan Perspektif Syarak Figure:Dan Undang-Undang. *Jurnal Pengajian Islam*. 16(2), 99-121.
- Noor Salwani Hussin (2015). Perkahwinan Tanpa Kebenaran: Kajian Terhadap Kes-Kes Di Figure:Mahkamah Syariah Negeri Perlis Dari Tahun 2006 Hingga 2010. *UUM eThesis*. 143.